



**UniMAP**

# **UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2012**

**“Sedekad Gemilang,  
Bertekad Terbilang”**



**22 Februari 2012  
Dewan 2020, Kangar, Perlis**

**Universiti Malaysia Perlis**



**SEDEKAD GEMILANG 2002-2012**

**Universiti Malaysia Perlis**

(Dahulunya Dikenali Sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia)

**SEDEKAD GEMILANG**

Sedekad Kita Bersama  
Membangun Misi Visi  
Membina Melestari  
Universiti Kita

Sedekad Kita Bersama  
Menuju Destinasi  
Panji Kecemerlangan  
Alam Kejuruteraan

Kerterlihatan Antarabangsa  
UniMAP Menyerlah Maju Jaya X2

UniMAP Maju Jaya....

Konsep: Kamarudin Hussin  
Gubahan & Muzik: Fauzi Marzuki  
Lirik: Ismail Abdullah  
Penarbit Eksekutif: Zuraidah Mohd Zain



**UniMAP**

# **UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2012**

**“Sedekad Gemilang,  
Bertekad Terbilang”**

Y. Bhg. Brig. Jen Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis

22 Februari 2012  
Dewan 2020, Kangar, Perlis

**Universiti Malaysia Perlis**



**Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin  
Naib Canselor**



## UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSELOR 2012

**“Sedekad Gemilang, Bertekad Terbilang”**

(A Decade of Glory, A Determination for Distinction)

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para Tetamu Kehormat,  
Timbalan-timbalan Naib Canselor,  
Pegawai-pejawai Utama Universiti,  
Penolong-penolong Naib Canselor,  
Profesor-profesor,  
Dekan-dekan,  
Ketua-ketua Jabatan,  
Para Pensyarah, Staf-staf Pengurusan dan  
Sokongan, dan  
Mahasiswa UniMAP yang dihormati dan  
dikasihi sekalian.

### Mukadimah

Sesungguhnya segala puji ialah hak Allah (s.w.t) Tuhan sekalian alam. Kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan keampunan hanya daripada-Nya. Marilah kita memohon perlindungan-Nya daripada segala kejahanan dan kesesatan jiwa dan amal.

Marilah kita bersaksi bahawa tiada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya. Kita bersaksi bahawa Muhammad bin Abdullah (s.a.w) ialah hamba dan Rasul-Nya. Mudah-mudahan segala rahmat dan kesejahteraan sentiasa dilimpahkan oleh Allah (s.w.t) kepada Baginda Rasulullah (s.a.w), dan keluarga, para sahabat dan umat Baginda yang meneruskan dakwah; mengakuri segala perintah-Nya serta menjauhkan segala larangan-Nya.

Marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur yang menggunung kepada Allah

(s.w.t) kerana lautan nikmat zahir dan batin yang dianugerahkan-Nya kepada kita sepanjang detik hidup yang masih disambungkan-Nya. Lantaran itu, marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa kesyukuran dengan cara memperbanyak amalan soleh sama ada dalam ragam ibadah khususiyyah atau umumiyyah.

Rasa syukur kita sewajarnya semakin menebal kerana nikmat yang melimpah-ruah yang dialirkannya kepada kita tanpa henti. Melalui organisasi yang menjadi medan kita mencari rezeki ini terlalu banyak manfaat yang kita peroleh mengikut kuantum rezeki yang ditetapkan Allah (s.w.t) kepada setiap individu yang membina institusi ini.

Tahun-tahun yang berlalu ialah tahun-tahun yang istimewa bagi kita semua. Tiada tahun yang meninggalkan kita tanpa pencapaian baru. Tiada tahun yang tersisih dengan peningkatan pencapaian kita dalam aspek-aspek yang menjadi misi penubuhan universiti ini. Tahun ini menjadi bertambah istimewa kerana kita menyambut ulang tahun UniMAP yang ke-10. Telah sedekad kita bersama-sama menciptakan kegemilangan universiti awam yang ke-17 ini. Terimalah ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-10 UniMAP: Sedekad Gemilang daripada saya dan anggota Pengurusan Tertinggi.

Bersungguh berjuang di Kubang Gajah  
Had dibuang hingga berubah  
Akad dipegang ilmu dicurah  
Teguh cemerlang kita serumah  
Sedekad gemilang kita berhemah  
Bertekad terbilang bertemu amanah.



Sesudah sepuluh tahun saya dan rakan-rakan anggota pengurusan tertinggi serta saudara-saudara sekalian membina asas, menggilap potensi, memecahkan tembok penghalang dan menciptakan kegemilangan universiti ini pada tahap universiti ini berdiri dan berkhidmat pada masa ini sedikit banyak tentunya, saya khususnya, menyimpan bauran rasa: gembira, kecewa, bangga dan mengharap yang tidak terhingga.

Bermula dengan kampus sementara di Kubang Gajah sehingga mempunyai kampus tetap di Pauh Putra, pastilah berupaya menyemarakkan rasa gembira yang tidak terhingga dalam diri saya. Kampus tetap yang belum lengkap sepenuhnya seperti yang dirancangkan pastinya menjeruk rasa. Beberapa banyak agenda dan inisiatif yang belum dilaksana dan terbengkalai sudah barang tentu sedikit banyak menghiris rasa kecewa. Di atas timbunan pencapaian dan kejayaan yang kita ciptakan bersama dalam masa sepuluh tahun ini sudah tentulah berupaya menggiurkan rasa bangga. Dan, didorong oleh potensi imaginasi yang liar tetapi bertapak di bumi nyata untuk menjadikan universiti ini universiti tersohor di dalam negara dan di arena antarabangsa, tidak keterlaluan jika saya meletakkan harapan yang tinggi kepada diri saya dan anda semua untuk merealisasikannya.

Ternyata tiada jalan mudah dan ringkas untuk mencapai kejayaan dan kegemilangan yang maknawi dalam apa jua bidang yang kita ceburi. Dewasa ini, untuk menjadi pensyarah yang berjaya dan cemerlang, ibu bapa menuntut kita menjadi pendidik yang dihormati yang berupaya mengadabkan anak-anak mereka. Untuk diiktiraf cemerlang kita digesa menyumbangkan idea dan tenaga untuk mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran institusi sehingga mencapai tahap tatakelola yang diberi autonomi. Untuk menjadi tersohor kita dituntut membuat penyelidikan,

penerbitan dan menghasilkan produk penyelidikan yang bukan sahaja dapat dikongsi di dalam bilik kuliah, atas nama perkongsian ilmu baru, malah produk itu diharapkan dapat dimanfaatkan oleh anak watan sehingga berupaya mentransformasikan ekonomi negara melalui agenda inovasi dan pengkomersilan. Untuk menjadi terbilang kita perlu melonjakkan nama negara di peta penyelidikan dan pendidikan tinggi dunia. Untuk menjadi terulung kita sewajarnya dapat melaksana kesemuanya tanpa cacat-cela dalam jangka hayat yang tersisa.

Apakah yang telah kita usahakan dan hasilkan dalam jangka masa sepuluh tahun untuk mengisi tuntutan masyarakat dan negara yang maha muluk dan agak *demanding* ini? Apakah yang telah kita capai bersama dalam jangka masa 521 minggu kita memikul amanah yang diserahkan?

### Sedekad Gemilang

Saudara-saudara yang dikasihi.


Dalam masa sepuluh tahun atau 3,651 hari yang berlalu saya, rakan-rakan anggota pengurusan tertinggi (termasuk Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff [mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan], Tuan Haji Ayob Ismail [mantan Bendahari], Puan Hajah Foyziah Ahmad Nasurudin [mantan Pustakawan], Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin dan Tuan Haji Rusli Haji Abd. Hamid (Kedua-dua mereka ialah mantan Pendaftar), dan Prof. Dr. Sazali Yaacob [mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan]) dan anda semua telah membangunkan universiti ini secara komprehensif daripada entiti sifar.

Daripada segi fizikal, bangunan UniMAP berada dan berfungsi di merata lokasi di seluruh negeri Perlis. Bermula dengan kampus sementara Kubang Gajah, kini kita telah


memiliki kampus tetap; Kampus Alam di Pauh Putra; Kampus Hijau di Sungai Chuchuh yang sedang giat dibangunkan; dan Kampus Kota di sekitar Bandar Kangar. Sukacita saya mengesyorkan agar saudara-saudara sekalian menziarahi perpustakaan baru kita. Nikmatilah perbedaan suasana atau *ambience*-nya, ruangnya, susunannya, warnanya dan ketenangan yang ditawarkannya; selain daripada kemudahannya yang mesra orang kelainan upaya (OKU).

Kini perpustakaan kita memiliki 41,661 buku dan jurnal berjilid (rujuk carta 1), sejumlah 1.31 juta buku elektronik (rujuk carta 2), sebanyak 14,125 jurnal elektronik (rujuk carta 3) dan sebanyak 342 tajuk jurnal bercetak (rujuk carta 4). Perpustakaan ialah lambang tempat bermulanya percambahan dan perkongsian ilmu, selain daripada kompleks dewan kuliah dan kompleks pusat pengajian. Oleh sebab itulah kita mendahulukan pembinaan bangunan-bangunan itu berbanding dengan pembinaan Pejabat Naib Canselor dan Canseleri yang masih dalam perancangan.


**Carta 1: Bilangan buku dan jurnal berjilid 2003-2011**




**Carta 2: Bilangan buku elektronik 2006-2011**



**Carta 3: Bilangan jurnal elektronik 2007-2011**



**Carta 4: Bilangan jurnal bercetak 2003-2011**




Semasa UniMAP diberi nyawa pada tahun 2002 kita mempunyai hanya 13 orang tenaga akademik dengan lima orang daripadanya pemegang ijazah Ph.D (rujuk carta 5). Kini, daripada 784 orang staf akademik; 139 orang daripada mereka ialah pemegang ijazah Ph.D




dan 63 orang pensyarah antarabangsa dari 18 buah negara, di samping 38 orang pakar rujuk akademik dari 13 buah negara (rujuk carta 5). Selain staf akademik, universiti kita turut menawarkan pekerjaan kepada 116 orang staf pentadbiran pada tahun penubuhan, dan jumlah itu telah bertambah menjadi 1,095 orang pada akhir 2011 (rujuk carta 6).

Carta 5: Bilangan pemegang ijazah Ph.D dalam kalangan staf akademik 2002-2011




Carta 6: Bilangan Staf Akademik dan Pentadbiran 2002-2011



Dengan peningkatan bilangan staf itulah kita berupaya menawarkan daripada dua program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan menjadi enam program pengajian kejuruteraan peringkat diploma, 21 program pengajian ijazah sarjana muda kejuruteraan, dua program ijazah sarjana muda perniagaan, enam belas program pengajian peringkat ijazah


sarjana, dan ijazah doktor falsafah pula ditawarkan oleh semua pusat pengajian kejuruteraan (rujuk carta 7). Daripada 21 program ijazah sarjana muda kejuruteraan 16 program telah diakreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia kerana telah matang.

Carta 7: Bilangan program pengajian 2002-2011




Bilangan penuntut kita turut bertambah dari tahun ke tahun (rujuk carta 8). Angka pelajar diploma bermula dengan 283 dalam tahun 2006 iaitu tahun program ini mula ditawarkan. Kini jumlah mereka meningkat ke angka 834 orang. Pengambilan mahasiswa ijazah pertama turut bertambah secara ketara. Bermula dengan angka 119 orang mahasiswa sulung yang mendaftar pada 20 Jun 2002 (20% daripada mereka masuk dengan PNGK 3.00 ke atas), kini jumlah pengambilan ialah 2,043 orang pada tahun lalu (52% daripada mereka masuk dengan PNGK 3.00 ke atas) (rujuk carta 9). Jumlah mahasiswa ijazah sarjana muda kini sudah mencecah 5,944 orang; dan 97 orang daripada mereka ialah mahasiswa antarabangsa yang mengikuti program pengajian kejuruteraan dan sebanyak 73 orang mengikuti program pengajian perniagaan.

**Carta 8: Enrolmen pelajar ijazah dan diploma  
2002-2011**




**Carta 9: Peratusan kemasukan pelajar dengan  
PNGK >3.00 2002-2011**




Pada tahun 2004 jumlah penuntut ijazah sarjana ialah 18 orang. Kini jumlah itu telah meningkat menjadi 306 orang dan 18 orang daripada mereka terdiri daripada penuntut antarabangsa (rujuk carta 10). Jika dalam tahun 2004 penuntut ijazah doktor falsafah hanya dua orang, kini jumlahnya sudah meningkat menjadi 224 orang dan 31 orang daripada mereka ialah penuntut antarabangsa dari 17 buah negara (rujuk carta 11).

**Carta 10: Enrolmen penuntut Master dan Ph.D  
2002-2011**



**Carta 11: Enrolmen penuntut antarabangsa  
2002-2011**



Daripada sekian banyak data yang dikemukakan apakah hasilan akhirnya? Dalam konvokesyen pertama dalam tahun 2006 sebanyak 107 orang graduan sulung menerima ijazah sarjana muda kejuruteraan (46 orang atau 43% daripada mereka bergraduat dengan PNGK 3.00 ke atas (rujuk carta 12), dan 107 orang (100%) memperoleh pekerjaan dalam jangka masa enam bulan selepas bergraduat) (rujuk carta 13).



**SEBELUM** saya meneruskan bicara, saya mahu berkongsi sedikit tentang peristiwa yang sedang dialami oleh seorang daripada siswazah sulung kita yang kini sudah menjadi anggota keluarga besar UniMAP. Yang saya maksudkan ialah Puan Siti Salwa Mat Isa. Pada tahun 2002 Siti Salwa dan rakan-rakannya menyertai Universiti ini sebagai kelompok mahasiswa sulung bagi program kejuruteraan mikroelektronik. Beliau ialah mahasiswa yang cemerlang dan terpilih menjadi Presiden pertama, Majlis Perwakilan Pelajar KUKUM. Ritual 'tepuk, tepuk UniMAP' yang sehingga kini diamalkan merupakan antara idea beliau dan rakan-rakannya semasa beliau memimpin mahasiswa.

Setelah bergraduat, Siti Salwa mendirikan rumah tangga dengan rakan sekuliahnya, Muhammad Mahyiddin Ramli, juga dari PPK Mikroelektronik. Kerana kecemerlangan akademik kedua-duanya, mereka dipilih menjadi felo UniMAP dan dihantarkan ke Ireland untuk menyambungkan pengajian di peringkat sarjana. Kini beliau sedang menyambungkan pengajian di Gilford, UK untuk peringkat Ph.D.

Pada masa ini ditakdirkan Allah (s.w.t) Siti Salwa kini sedang berhadapan dengan cabaran yang amat getir. Beliau sedang menderitai penyakit kanser paru-paru tahap 4. Setelah menjalani rawatan kimoterapi, namun tumor di dalam paru-parunya tidak berubah seperti yang diharapkan. Sebaliknya tumor itu menjadi lebih aktif dan agresif. Pada awal bulan Mac ini beliau akan menjalani dua pembedahan untuk mengeluarkan ketumbuhan itu dari paru-parunya. Ketumbuhan sudah mula merebak pula pada hati beliau. Kini, saya difahamkan beliau menghadapi kesukaran bercakap kerana terdapat ulser pada bahagian mulutnya. Sebagai akibat menjalani kimoterapi, rambutnya mula gugur. Kukunya sudah mula menghitam.


UniMAP amat prihatin tentang kesejahteraan warganya yang menderitai apa juu penyakit. Beberapa tabung pernah disediakan untuk membantu meringankan beban sesama kita. Namun, oleh sebab peristiwa dan cabaran getir yang dihadapi oleh Siti Salwa agak unik dan beliau dan keluarganya berada di UK, yang kos sara hidupnya tinggi dan menjadikan beban beliau sekeluarga semakin menghimpit, maka saya menyeru dan merayu agar kita bersama-sama menghulurkan sumbangan untuk mengurangkan beban Siti Salwa. Hulurkanlah sebanyak yang mungkin kerana saya yakin sumbangan saudara-saudara akan diterima Allah (s.w.t) sebagai saham di akhirat kelak.

Beberapa tabung akan diedarkan sebentar lagi supaya saudara-saudara dapat menghulurkan sumbangan dari hati yang ikhlas. Kelab Kakitangan UniMAP dimohon menyelaraskan pengumpulan sumbangan ini dan sampaikanlah sumbangan warga UniMAP kepada Salwa dan Mahyiddin dalam masa yang terdekat ini.


Saya amat berharap, sama ada pada masa ini atau masa depan, warga UniMAP bersatu hati membantu anggota keluarga besar kita jika ditakdirkan ditimpa bencana atau musibah kecil atau besar. Manalah tahu suatu hari nanti Allah (s.w.t) akan menduga tahap keimanan kita pula dengan ujian yang lebih getir.



Carta 12: Bilangan graduan yang mendapat PNGK >3.00 2006-2011



Carta 13: Peratusan kebolehpasaran siswazah dalam masa 6 bulan selepas bergraduat 2006-2011



Saudara-saudara kekasih Allah sekalian.

Dalam konvokesyen ke-6 pada tahun lalu pula kita berupaya melahirkan sebanyak 954 orang graduan ijazah sarjana muda kejuruteraan (410 orang atau 43% daripada mereka bergraduat dengan PNGK 3.00 ke atas, dan sebanyak 686 orang (72%) mendapat pekerjaan dalam jangka masa enam bulan selepas bergraduat berbanding dengan 536 orang (56.2%) yang telah mendapat pekerjaan semasa mereka menerima skrol masing-masing pada hari konvokesyen). Selain itu kita juga mampu menggraduatkan empat orang penuntut ijazah doktor falsafah, 58 orang penuntut ijazah sarjana dan 222 orang pelajar diploma dalam konvokesyen ke-6 itu.

Secara menyeluruh tahap kualiti akademik dan organisasi universiti ini dapat disimpulkan dengan keputusan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA). SETARA 2009 mengkategorikan UniMAP sebagai universiti bertaraf empat bintang atau universiti "sangat baik" berbanding dengan taraf dua bintang atau universiti "memuaskan" mengikut SETARA 2007. Alhamdulillah. Pada tahun ini kita akan dinilai semula oleh SETARA di samping perlu menjalani penilaian D-SETARA atau instrumen penarafan disiplin mengikut bidang pengajian. Lantaran amat besar maknanya sistem penarafan ini kepada semua institusi pengajian tinggi negara, maka saya meminta semua staf memberikan perhatian yang serius dan komitmen yang tinggi untuk menyediakan semua maklumat dan dokumen boleh serah (*deliverables*) yang berkualiti supaya penilaian itu kelak dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang universiti kita. Marilah kita bersama-sama menyumbangkan tenaga semaksimum dan bermunajat sekerap mungkin agar universiti yang kita bina ini mencapai tahap yang benar-benar berdaya saing dan cemerlang mengikut sistem penilaian dan penarafan yang bertujuan murni itu.

Di samping itu, untuk meningkatkan lagi tahap kualiti sistem tatakelola atau governans universiti kita seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), saya berharap agar Jabatan Pendaftar dan semua penolong pendaftar atau pegawai tadbir memainkan peranan yang proaktif melaksana inisiatif-inisiatif yang dirancang mengikut panduan yang diberikan dalam *Codes of University Good Governance* (CUGG). Dalam masa yang sama, saya meminta semua yang terlibat agar menyediakan data dan dokumen boleh serah yang berkaitan berpandukan *University Good Governance Index* (UGGI). Dewasa ini kita tidak lagi boleh melaksana kerja mengikut kaedah *fire fighting*. Setelah berumur sepuluh tahun kita mestilah bekerja secara lebih



sistematis dengan memanfaatkan penunjuk-penunjuk prestasi yang dipersetujui. Jika terdapat sistem penyampaian dan sistem ICT yang sudah ketinggalan, sudah sampai masanya kita menuarkannya. Sudah sampai masanya kita melaksana inovasi dalaman dengan memanfaatkan kepakaran dalaman yang sedia ada. Budaya membeli sistem dari luar sewajarnya dikurangkan kerana kosnya yang tinggi dan sumber kewangan kita semakin terhad.

Untuk menghargai sumbangan staf, selain daripada anugerah kenaikan pangkat dan anugerah perkhidmatan cemerlang, pada tahun-tahun lalu kita telah memberikan insentif kepada staf pentadbiran yang bersedia menyambungkan pengajian di peringkat ijazah sarjana. Harapan kita ialah selepas bergraduat kelak staf-staf yang terlibat dapat memberikan sumbangan yang lebih besar untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan masing-masing dengan ilmu dan kemahiran baru yang dipelajari. Saya amat berharap agar ilmu dan kemahiran baru yang diperoleh itu dapat menghasilkan pelbagai inovasi perkhidmatan sehingga mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan institusi yang amat didambakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan dalaman dan luaran, khususnya anak-anak didik kita.

Mulai tahun ini pula, kita akan mula meluaskan penghargaan kita kepada staf-staf dalam bidang teknikal yang turut memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan dan perkembangan universiti ini. Antara insentif yang kita persetujui untuk dipertimbangkan oleh pihak pengurusan tertinggi ialah yang berikut:

1. Semua Juruteknik yang memenuhi syarat diberi peluang mengikuti skim sangkutan atau *attachment* di industri yang berkaitan dengan bidang tugas sama ada di dalam

atau di luar negara supaya dapat meningkatkan kualiti modal insan teknikal dan inovasi masing-masing. Bagaimanapun, insentif ini tertakluk pada keadaan dan sumber kewangan semasa.

2. Pegawai Latihan Vokasional (PLV) yang memiliki ijazah sarjana akan dihantarkan melanjutkan pengajian di peringkat Ph.D jika menepati keperluan syarat-syarat yang ditetapkan. Setelah tamat pengajian, staf yang berkenaan akan diserapkan menjadi tenaga pengajar Program Teknologi Kejuruteraan.
3. PLV yang memiliki ijazah sarjana muda dan mendapat PNGK 3.0 ke atas di peringkat pengajian itu akan dihantarkan menyambungkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dalam bidang-bidang yang berkaitan jika menepati keperluan syarat-syarat yang ditetapkan. Setelah tamat pengajian, staf yang berkenaan akan diserapkan menjadi tenaga pengajar Program Teknologi Kejuruteraan.

Saudara-saudara saya sayangi sekalian.

Visi UniMAP ialah institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Visi ini secara jelas menggambarkan bahawa UniMAP tidak sewajarnya menggilap potensi untuk menjadi institusi akademik yang berdaya saing semata-mata atau berasa selesa sebagai *teaching university*. Tetapi visi ini, yang kitajadikan panduan mulai tahun 2007, turut memberikan isyarat bahawa kita bertekad juga untuk menjadi cemerlang dalam arena penyelidikan secara serentak di samping membina kecemerlangan akademik.

Seawal tahun penubuhan UniMAP saya telah memberikan penekanan pada aspek penyelidikan meskipun pada ketika itu kita




dinasihat supaya memberikan tumpuan untuk menjadi *teaching university*. Hasilnya, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik kita kini diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Nano Malaysia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Kita berharap agar Institut ini dapat membuat promosi yang lebih progresif untuk menarik minat lebih banyak penyelidik dari dalam dan luar universiti serta dari luar negara untuk mengembangkan skop penyelidikan bidang itu.

Sebagai inisiatif baru untuk kita menggilap potensi sebenar kita dalam aspek penyelidikan, Stesen Agroteknologi akan dinaiktaraf menjadi institut dengan nama barunya Institut Agroteknologi Lestari atau *Institute of Sustainable Agrotechnology (INSAT)*. Di samping itu, tiga buah pusat kecemerlangan baharu iaitu Pusat Kecemerlangan Geopolimer and Teknologi Hijau (*Centre of Excellence for Geopolymer and Green Technology*), Pusat Kecemerlangan Teknologi Sensor Termaju (*Centre of Excellence for Advanced Sensor Technology*) dan Pusat Kecemerlangan Tenaga Boleh Dibaharui (*Centre of Excellence for Renewable Energy*). Pada tahun-tahun mendatang akan ada lagi kluster penyelidikan yang kita tubuhkan sebelum ini dinaiktaraf supaya agenda penyelidikan dapat dimaparkan dan akhirnya UniMAP dikategorikan sebagai universiti penyelidikan teknikal pertama di negara ini.

Kita mempunyai peluang yang besar untuk menjadi universiti penyelidikan. Geran penyelidikan kita sudah meningkat secara signifikan dalam sepuluh tahun ini. Dalam tahun 2003, dengan bilangan staf akademik sebanyak 31 orang, kita hanya berupaya memperoleh nilai geran sebanyak RM161,530 dengan purata RM5,210.64 diperoleh setiap staf akademik. Pada tahun 2011, purata perolehan nilai geran bagi setiap staf akademik ialah RM14,422.41 (dengan jumlah staf akademik sebanyak 784 orang dan nilai geran yang diperoleh sekitar

RM11.3 juta) (rujuk carta 14). Terdapat peningkatan perolehan nilai geran bagi setiap staf akademik hampir tiga kali ganda berbanding dengan perolehan tahun 2003. Di samping itu kita sudah mula berupaya mendapatkan geran penyelidikan antarabangsa yang diperoleh daripada King Abdul Aziz City for Science and Technology (KACST) Arab Saudi yang bernilai RM1.5 juta. Bilangan penyelidikan dan geran antarabangsa ini dijangka meningkat lagi dalam tahun ini, insya-Allah. Inisiatif ini adalah antara potensi baru yang wajar kita kembangkan pada masa akan datang meskipun tidak mudah. Saya yakin jika kita ada kemauan, pasti Allah akan menunjukkan jalan.


Carta 14: Nilai (RM) geran penyelidikan yang diterima 2002-2011




Pertumbuhan nilai geran yang diperoleh diharapkan dapat meningkatkan kualiti hasil penyelidikan. Sehingga 15 Februari 2012 jumlah dokumen hasil penyelidikan para penyelidik kita dalam Scopus telah mencapai 1,134 (purata 1.44 dokumen bagi setiap staf akademik); bermula dengan enam dokumen (purata 0.19 dokumen bagi setiap staf akademik) dalam tahun 2003 (rujuk carta 15). Daripada jumlah itu sebanyak 492 dokumen diterbitkan di dalam jurnal yang diindeks termasuk dokumen yang sedang dicetak (rujuk carta 15). Faktor impak kumulatif yang dicapai sehingga 2010 ialah 189.111 (purata 0.24 faktor impak bagi setiap staf akademik) (rujuk carta 16).



Carta: 15: Bilangan penerbitan dan artikel 2002-2011




Carta 16: Bilangan faktor impak kumulatif bagi penerbitan dalam jurnal yang diindeks 2003-2010



Bilangan sitasi hasil penulisan staf kita telah meningkat dengan banyaknya berbanding dengan bilangan sitasi pada tahun 2003. Sehingga 17 Februari 2012 bilangan sitasi kita secara kumulatif telah mencecah angka 1,125 atau secara purata setiap staf akademik kita telah mendapat 1.43 sitasi dalam jangka masa sepuluh tahun kebelakangan ini (rujuk carta 17).

Carta 17: Bilangan sitasi 2003-2012



Pastinya jika data ini dibandingkan dengan data pencapaian universiti penyelidikan di dalam negara, pencapaian kita adalah masih rendah. Kita perlu menerima hakikat ini dengan hati yang terbuka. Namun, dalam kekerdilan kita berbanding dengan universiti penyelidikan lantaran kemudahan umur universiti, penyelidik muda kita telah berupaya menghasilkan satu daripada empat artikel terbaik di dunia dalam bidang elektromagnetik. Artikel yang bertajuk "Setup and results of pyramidal microwave using rice husks" itu diterbitkan di dalam jurnal *Progress in Electromagnetic Research* (PIER). Tahniah!

Saya sedar bahawa umur universiti kita baru sepuluh tahun, bilangan penyelidik kita secara relatif adalah kecil, kebanyakannya pensyarah kita belum memiliki ijazah doktor falsafah, bilangan penuntut pascasiswazah kita masih boleh dipertingkatkan, dan hasil penyelidikan yang tersenarai di dalam Scopus itu kebanyakannya tertumpu dalam bidang kejuruteraan sahaja. Namun, faktor-faktor itu sewajarnya tidak kitajadikan alasan untuk menghalang kita daripada terus berproduktiviti tinggi dan maju. Antara lain, itulah faktor-faktor yang perlu kita bajai secara berterusan di samping inisiatif pengkomersilan supaya dapat terus menyegarkan reputasi aktiviti penyelidikan kita. Setiap kita perlu memikirkan



dan berkongsi idea tentang cara dan kaedah baru yang lebih efisien untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil penyelidikan dan pengkomersilan secara serentak. Inilah antara amanah besar yang menanti kita pada masa-masa mendatang.

Dalam penilaian *Malaysia Research Assessment Instrument* (MyRA) kita telah menunjukkan keupayaan dan daya saing kita dalam bidang penyelidikan. Pada tahun lalu UniMAP diisyiharkan sebagai universiti empat (4) bintang dengan skor 81.4% oleh MyRA (satunya universiti yang mendapar empat bintang); berbanding dengan pencapaian dua tahun sebelumnya yang mengkategorikan kita sebagai universiti tiga (3) bintang dengan skor 78.2%. Universiti kita berada di tempat pertama daripada 15 buah universiti kategori universiti bukan penyelidikan atau tempat ke-6 daripada 20 buah universiti awam di Malaysia.

Dalam tahun ini semua universiti akan dinilai semula oleh instrumen MyRA. Saya yakin Pusat Pengurusan Penyelidikan UniMAP, para penyelidik dan staf yang membekalkan data telah melaksana tugas dan tanggungjawab mereka yang terbaik. Marilah kita bersama-sama berdoa agar skor yang kita peroleh meningkat secara signifikan dan seterusnya memungkinkan kita dikategorikan sebagai universiti lima (5) bintang. Sasaran kita ialah menjadi universiti penyelidikan. Namun, setelah kita berusaha dengan yakin dan bersungguh-sungguh dan jika ditakdirkan Allah kita tidak dipilih juga untuk menjadi universiti penyelidikan, kita sewajarnya berbangga dan bersyukur kehadrat Allah (s.w.t) kerana memberi kita kekuatan tersendiri untuk bersaing dalam industri pendidikan negara, khususnya dalam aspek penyelidikan.

Dengan tertubuhnya beberapa pusat kecemerlangan dan institut penyelidikan; dengan keghairahan penyelidik muda dan

penyelidik kanan; dan insentif yang dihulurkan saya berharap pula selepas ini hasil-hasil penyelidikan kita dapat diketengahkan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat sama ada melalui agenda pemasyarakatan dan pengkomersilan hasil penyelidikan. Kita tidak boleh membiarkan masyarakat menunggu terlalu lama untuk memanfaatkan hasil penyelidikan kita. Pada hakikatnya, masyarakat amat memerlukan hasil-hasil penyelidikan kita untuk meningkatkan produktiviti yang akhirnya diharapkan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh sebab itu, projek-projek penyelidikan seperti projek agroteknologi, rumah hijau, turbin angin, mesin pengeluaran produk industri kecil sederhana dan sebagainya yang telah dijalankan dan dikongsi dengan masyarakat hendaklah diperbanyak dalam kadar yang segera.

UniMAP tidak kurang handalnya dalam pertandingan produk penyelidikan di dalam maupun di peringkat antarabangsa. Dalam *International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX), misalnya, UniMAP pada tahun lalu berjaya keluar sebagai juara keseluruhan daripada lebih 20 buah institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan yang mengambil bahagian dengan membawa pulang 11 pingat emas; 24 perak; dan 11 gangsa, di samping menerima anugerah *Champion of Malaysian Invention and Design Society* (MINDS) lantaran sumbangan universiti ini dalam usaha meningkatkan inisiatif inovasi dan penyelidikan para penyelidik muda dalam kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah. Dalam *Malaysian Technology Expo* (MTE) 2011 penyelidik UniMAP berjaya meletakkan diri di tempat ketiga bersama-sama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan membawa pulang empat pingat emas, tujuh pingat perak dan 16 pingat gangsa; suatu pencapaian yang mengatasi rekod kecemerlangan tahun lalu. Terkini dalam MTE 2012 para penyelidik kita berjaya membawa pulang lima pingat emas, 14




perak, 16 gangsa dan tiga anugerah khas.

Antara saat-saat yang paling menggembirakan saya dalam sejarah UniMAP ini ialah semasa para penyelidik kita berjaya membawa pulang sembilan pingat emas, enam perak, dan 16 gangsa daripada Pameran PEPICTA yang berprestij itu. Dalam tahun 2009 kita hanya berupaya membawa pulang dua pingat emas, sepuluh perak dan tiga gangsa. Bukan sekadar itu sahaja, malah sembilan daripada hasil penyelidikan staf kita yang dipamer dalam pameran itu menduduki antara 15 hasil penyelidikan terbaik, dan penyelidikan yang bertajuk "*Modified Double Weight (MDW) Code For OCDMA FTTH Network Using FPGA Based*" pula muncul sebagai produk terbaik bagi kategori *The Best Of MO* (produk baru) dan mendapat tempat kedua daripada keseluruhan 453 produk yang dipertandingkan.

Selain itu, dalam tahun 2011 sahaja para penyelidik kita yang menghadiri pameran peringkat antarabangsa di luar negara turut berupaya membawa pulang dua pingat emas dan dua pingat gangsa dari pameran penyelidikan di Geneva, tiga pingat emas dan satu perak dari *International Trade Fair, Ideas, Invention of New Products* (IENA), tiga pingat emas dan satu perak dari *Warsaw Invention Show* (IWIS), empat pingat emas, empat perak dan satu gangsa dari *Seoul International Invention Fair* (SIIF), tiga pingat emas dan dua perak dari *British Invention Show* (BIS) dan lapan pingat emas, tiga perak dan satu gangsa dari Pameran INOVA di Croatia. Sejak tahun 2005 hingga 2011 kita telah mengumpulkan sebanyak 498 pingat yang diraih daripada pelbagai pertandingan dan pertunjukan hasil penyelidikan dan sebanyak 97 pingat disumbangkan oleh pertandingan peringkat antarabangsa di luar negara (rujuk carta 18).

Carta 18: Bilangan pingat yang dimenangi dalam pertandingan penyelidikan peringkat tempatan dan antarabangsa 2005-2011



Kehebatan aktiviti penyelidikan di UniMAP tidak sekadar berlingkar dalam kalangan para pensyarah sahaja. Dalam tahun 2009 UniMAP memperkenalkan *Engineering Invention and Innovation Exhibition* (ENVEX) untuk menggalakkan agenda penyelidikan dalam kalangan mahasiswa. Pada tahun lalu taraf ENVEX diangkat ke arena antarabangsa hasil kerjasama dengan KPT atas nama *International Engineering Invention and Innovation Exhibition* (i-ENVEX). Dalam pameran yang diadakan dalam bulan April tahun lalu, mahasiswa UniMAP berjaya menjadi juara keseluruhan dengan merangkul lima pingat emas, lima perak dan sepuluh gangsa di samping berupaya merangkul dua *Best Award*. Pameran ini turut disertai oleh institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, Kemboja, Thailand, Filipina dan Singapura.

Sesungguhnya, dalam tahun-tahun mendatang saya yakin, insya-Allah, pencapaian kita dalam bidang penyelidikan yang berkualiti dijangka akan meningkat secara lebih ketara. Untuk menggalakkan agenda ini, saya telah meminta pasukan Pengurusan Tertinggi UniMAP supaya memformalkan pemberian insentif-insentif baru yang berupa hadiah geran dan ganjaran kewangan kepada para penyelidik yang menghasilkan penyelidikan yang berkualiti



tinggi. Antara insentif-insentif yang dicadangkan ialah:

1. Insentif sebanyak RM10,000 dalam bentuk geran diberikan kepada penyelidik atau kumpulan penyelidik yang menghasilkan kertas penyelidikan yang diterbitkan di dalam jurnal yang mempunyai faktor impak ISI yang **sekurang-kurangnya** satu (1) poin. Insentif maksimum bagi pemberian ini ialah RM50,000 bagi lima (5) kertas penyelidikan.
2. Insentif sebanyak RM5,000 dalam bentuk geran diberikan kepada penyelidik atau kumpulan penyelidik yang menghasilkan kertas penyelidikan yang diterbitkan di dalam jurnal yang mempunyai faktor impak ISI yang **kurang daripada** satu (1) poin. Insentif maksimum bagi pemberian ini ialah RM25,000 bagi lima (5) kertas penyelidikan.
3. Insentif wang tunai sebanyak RM3,000 diberikan kepada penyelidik atau kumpulan penyelidik yang menghasilkan dua (2) kertas penyelidikan yang diterbitkan di dalam jurnal yang mempunyai jumlah impak faktor ISI yang **melebih tujuh** (7) poin.
4. Insentif wang tunai sebanyak RM5,000 diberikan kepada penyelidik atau kumpulan penyelidik yang mendapat impak faktor ISI yang **tertinggi** untuk tahun semasa.
5. Universiti menanggung kos penerbitan (mengikut kadar yang ditetapkan oleh jurnal ISI yang berkaitan) bagi penerbitan kertas penyelidikan di dalam jurnal berimpak ISI sekiranya bayaran dikenakan dengan syarat penyelidik tidak mempunyai geran. Insentif yang ditetapkan ialah (i) bagi kertas kerja penyelidikan yang

diterbitkan dengan faktor impak kurang daripada satu (1) poin, Universiti menampung 75% daripada kos penerbitan yang berkaitan, dan (ii) bagi kertas penyelidikan yang diterbitkan dengan faktor impak **lebih** daripada satu (1), Universiti menampung 100% kos penerbitan yang berkaitan.

6. Universiti menanggung kos yuran carian/IP bagi produk penyelidikan yang berpotensi dikomersilkan.

Telah saya sebut pada awal ucapan ini bahawa UniMAP secara sedar dan sengaja dibangunkan secara holistik dalam masa serentak. Maksud saya, universiti ini bukan sahaja membangunkan kekuatan dan kecemerlangan dalam aspek infrastruktur, akademik, penyelidikan, organisasi dan ICT. Dalam masa yang sama kemajuan dalam bidang sukan dan kesenian, sama ada dalam kalangan staf atau mahasiswa, turut diberi penekanan yang sama berat. Sebelum aspek akademik dan penyelidikan menyerlah, pencapaian cemerlang dalam bidang sukan staf terlebih dahulu dinikmati. Saudara-saudara tentunya masih ingat akan peristiwa-peristiwa gemilang kita menjadi juara Sukan Staf Antara Universiti beberapa tahun dengan pungutan pingat yang jauh meninggalkan pencapaian universiti yang berada di tempat kedua.

Kita bukan sahaja mencemburukan rakan-rakan universiti lain dalam acara olahraga, malah pernah memenangi Piala Emas Raja-raja dan Piala Agong dalam sukan bolasepak peringkat negara. Rakan-rakan staf kita biasa menjuarai dan memenangi acara-acara sukan golf, bowling tenpin, bola tampar, tenis dan banyak lagi di pelbagai kejohanan di pelbagai peringkat. Mengikut data yang diberikan kepada saya, sejak 2008 kita telah mengumpulkan sebanyak 294 pingat. Dan kini anak-anak didik kita turut menyemarakkan lagi nama universiti



kerana sudah mula memberikan saingen kepada universiti lain dalam acara-acara sukan dan kesenian di samping penyelidikan.

Begitulah wajah UniMAP dalam sedekad yang telah berlalu. Meskipun ada banyak lagi pencapaian, kejayaan dan kecemerlangan yang tidak terakam dalam uacapan ini, namun, dalam masa yang amat berharga dan terbatas ini, memadailah kita merakamkan sejarah yang berasaskan data yang tersedia. Seterusnya, saya dengan rasa besar hati dan rendah diri mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada seluruh warga UniMAP kerana bersama-sama berusaha mengangkat dan menyerlahkan reputasi UniMAP dalam semua aspek. Sepuluh tahun yang berlalu ialah era permulaan yang cemerlang bagi UniMAP. Sedekad yang lalu ialah sedekad yang gemilang sebagai hasil usaha daripada setiap insan yang bergelar warga Universiti Malaysia Perlis.

Memang seronok mengingati kecemerlangan lampau. Mana-mana yang baik pertingkatkanlah. Mana-mana yang buruk tinggal-tinggalkanlah. Dan, mana-mana yang hebat teruskan digilap hingga menjadi terbilang. Sekarang sampailah masanya kita melihat masa depan.

**Bertekad Terbilang:  
Fokus, Fokus, Fokus**

Saudara-saudara yang dihormati.

Dalam majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor tahun lalu saya telah membentangkan hala tuju UniMAP bagi jangka masa 2011-2015. Saya telah menjelaskan perincian enam teras strategik berserta dengan pernyataan destinasinya dengan panjang lebar. Kita telah mengangkat "Keterlihatan Antarabangsa yang Menyerlah" atau "*Illuminating International Visibility*" sebagai hasilan strategi dalam tahun 2015. Kita telah merumuskan juga peta strategi

yang memaparkan 14 objektif strategik. Daripada 14 objektif strategik itu kita telah menetapkan 54 pengukur atau indikator prestasi. Dan yang terkini, mulai tahun ini, kita akan memantau prestasi dan pelaksanaan inisiatif menggunakan suatu sistem ciptaan staf kita sendiri yang dinamai *Electronic Performance Indicator Channel* (EPIC) yang akan dilancarkan sebentar lagi bersama-sama dengan beberapa produk lain.

Saya amat berharap Pelan Strategik 2011-2015, yang telah disejajarkan dengan pelbagai agenda transformasi kerajaan, dapat membantu kita meningkatkan lagi daya saing universiti pada masa akan datang, sementara EPIC pula diharapkan dapat membantu mengefisiensikan pemantauan prestasi dan pelaksanaan pelan tindakan universiti yang dirancang. Oleh sebab itu besarlah harapan saya agar semua staf dapat memberikan sumbangan yang semaksimum dan terbaik mungkin mengikut kadar keilmuan, pengalaman dan keupayaan masing-masing untuk menjayakan strategi yang telah dirumuskan bersama.

Pada hari ini tiada sesiapa pun yang boleh terlepas daripada dikaitkan dengan penunjuk prestasi atau indikator. PSPTN, yang kini telah memasuki fasa 2, mempunyai lebih daripada 100 indikator dan 36 penunjuk prestasi utama atau KPI. Amanat Tahun Baru Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi 2012 pula (yang telah diedarkan kepada semua dekan, ketua pusat tanggungjawab dan ketua jabatan) mengemukakan "...lapan agenda dan 64 pernyataan dasar, inisiatif dan perubahan struktural yang wajar dijadikan panduan **atas** bagi kita untuk terus melangkah gagah mendepani masa depan yang lebih gemilang." Persoalan 'perlu atau tidak perlu' mengejar KPI tidak wajar diperdebatkan lagi. Tetapi jika saudara-saudara mahu membincangkan indikator-indikator yang digunakan untuk

menilai prestasi universiti kita, saya bersedia mendengar pandangan semua.

Namun, buat masa ini terimalah dahulu apa yang telah dirumuskan. Apabila kita membuat semakan semula strategi 2011-2015 kita pada akhir tahun ini saya berharap saudara-saudara dapat mengemukakan seberapa banyak pandangan dan cadangan yang termampu. Apabila kita telah mendapat persetujuan semua secara konsensus tentang apa jua cadangan yang dikemukakan, maka kita semua perlu bertindak melaksana apa jua yang dipersejui bersama. Ada orang mengatakan bahawa orang Malaysia cemerlang merumuskan strategi, tetapi gagal melaksana strategi yang diciptakannya. Amat besar harapan saya agar sikap ini tidak menjadi budaya di universiti ini jika kita serius mahu terbilang pada masa akan datang.

Untuk menggilap potensi keterbilangan kita pada masa akan datang, mulai tahun ini kita akan mula masuk ke dalam liga pemeringkatan atau *ranking* universiti-universiti peringkat dunia. Keputusan untuk melaksana inisiatif ini mempunyai justifikasi yang amat mudah: pertama, jika kita tidak memasuki liga pemeringkatan ini bagaimana kita hendak mengetahui kedudukan dan standard universiti kita berbanding dengan universiti di seluruh dunia. Kita telah menetapkan untuk menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia. Jika itu keputusannya, bagaimana kita hendak mengetahui sama ada kita telah mencapainya atau kita masih jauh dari sasaran yang kita tetapkan.

Kedua, dan ini merupakan justifikasi akhir yang paling utama yang menjadi sebab kita perlu memasuki liga pemeringkatan universiti dunia. Hari ini para penyelidik kita yang mencuba mendapatkan geran penyelidikan antarabangsa telah mula ditanya tentang *ranking* UniMAP dalam liga pemeringkatan

universiti dunia. Apakah respons terbaik kita bagi soalan seumpama ini pada masa akan datang? Meskipun keputusan ini berkemungkinan mengundang elemen-elemen negatif yang sukar dijangkakan, namun inilah alat 'permainan' semasa yang digunakan untuk, antara lain, menentukan kualiti sesebuah universiti.

Kita telah memilih *QS World University Rankings* sebagai liga yang akan kita sertai. Pada masa ini 19 buah universiti awam dan swasta setempat telah dimasukkan dalam liga ini. Dalam *QS World University Rankings* peringkat dunia tujuh buah universiti (termasuk semua universiti penyelidikan) disenaraikan bermula dengan Universiti Malaya di *ranking* yang ke-167 dan Universiti Teknologi MARA berada di *ranking* 601. Dalam *QS World University Rankings* peringkat Asia pula, selain daripada tujuh buah universiti yang disebut tadi, sebanyak 12 buah universiti lain turut disenaraikan termasuk UTAR, UPSI, UMT, UUM, UNITAR dan UniKL yang kesemuanya berada di *ranking* 200 ke atas.

Jadi, jika saudara-saudara serius hendak menyerlahkan keterlihatan antarabangsa universiti ini; jika saudara-saudara bersungguh-sungguh mahu menjadikan universiti ini universiti yang tersohor dan terbilang, marilah kita bersama-sama menjayakan satu daripada agenda pengantarabangsaan universiti kita menggunakan kaedah ini. Saya yakin kita mempunyai keupayaan dan kapasiti yang mungkin lebih baik daripada universiti yang telah dimasukkan ke dalam senarai liga itu. Jika terbukti kita mempunyai daya saing di peringkat dunia selepas ini mungkin kita mencuba pula memasuki liga *Times Higher Education* atau liga *Shanghai Jiao Tong* yang dikatakan lebih mencabar itu. Sekarang, sampan sudah di air, pendayung sudah di tangan. Ayuh, mari kita bersama-sama berkayuh untuk membuktikan daya juang dan daya saing kita yang sebenar. Alang-



alang mencuba biarlah terusterbilang.

Untuk menjayakan hasrat yang disebut sebentar tadi, mulai tahun ini juga saya meminta Bahagian Pembangunan Akademik, Pusat Pengurusan Penyelidikan, pusat-pusat pengajian, CAP Pengantarabangsaan, CAPs lain yang berkaitan dan PUSPEK supaya mula membuat aktiviti penanda aras data dengan data universiti-universiti lain di dalam negara untuk mengetahui tahap daya saing universiti kita. Saya yakin data ePMO KPT wajar dan sah digunakan untuk merealisasikan hasrat ini. Seterusnya, saya meminta agar semua warga UniMAP memikirkan inisiatif-inisiatif yang lebih mencabar dengan lebih seriusnya untuk melonjakkan nama UniMAP di persada antarabangsa.

Saudara-saudara sekalian.

Untuk menjadi tersohor dan terbilang, kita tidak boleh terperangkap dengan 'permainan nombor' dan taktik-taktik mengejar angka terbanyak dan tertinggi yang kadang kala memesangkan kita ke arah tindakan-tindakan yang negatif dan tidak beretika. Oleh sebab itu kita perlu sentiasa meneguhkan akhlak kita dan universiti berasaskan prinsip dan nilai yang benar, murni dan tegas. Dalam usaha kita mengejar masa depan yang lebih gemilang supaya terbilang, kita wajib membina UniMAP di atas asas yang kukuh dan stabil; dan seterusnya menggunakan bahan yang bernilai tinggi, tahan uji, dan mempunyai ciri-ciri keistimewaan tersendiri yang berbeda daripada entiti yang lain.

Secara peribadi saya menghargai kedua-dua elemen *form* dan *substance*. Analogi mudahnya, Islam mengajari kita supaya memakai pakaian yang bersih dan dalam masa yang sama hati dan tindakan kita mestilah bersih juga, mengikut sistem akhlak yang ditetapkan Allah dan ditunjukkan oleh Rasul-

Nya, untuk berhadapan dengan kehidupan sama ada berhadapan dengan manusia, fauna, flora atau alam sekitar. Infrastruktur yang baru, peralatan yang canggih dan staf yang lebih banyak sewajarnya mendorong kita menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi, kerja yang lebih efisien, dan produk yang lebih berkualiti.

Matalamat akhir kita tentunya mahu melahirkan dan melihat setiap siswazah yang bukan sahaja sihat dan segak memakai jubah pada hari konvolesyen, tetapi mestilah hebat keupayaan kognitifnya, stabil potensi afektifnya, dan mulia akhlaknya apabila berhadapan dengan sesiapa sahaja atau dengan apa juabaran kehidupan. Ringkasnya, tanggungjawab kita ialah memasukkan adab ke dalam diri manusia, dan hasilannya ialah manusia yang beradab. Jika siswazah seumpama ini dapat dilahirkan, barulah seseorang guru atau warga institusi pendidikan wajar berpuas hati dan berasa aman di dunia dan di akhirat. Era pertembungan kepentingan antara kuantiti dengan kualiti sewajarnya sudah berlalu. Kita tiada pilihan lain selain daripada memilih kedua-duanya secara serentak tanpa tolak-ansur jika mahu terbilang pada masa akan datang.

Sebelum kita menutup pintu ucaptama tahun ini, izini saya menyentuh beberapa isu penting lagi yang ada kaitan dengan hala tuju universiti pada masa depan: pertama, isu akademik dan pengantarabangsaan; kedua, isu penyelidikan dan kelestarian; dan ketiga, isu sikap dan budaya universiti. Saya akan mengenangkan isu-isu ini seringkas mungkin.

Selain daripada beberapa penunjuk prestasi yang ditetapkan untuk kita menyangga agenda pengantarabangsaan UniMAP, saya berharap agar ahli akademik sekalian dapat membincangkan, menyemak dan menambahbaik kurikulum akademik supaya



mengandung elemen-elemen antarabangsa yang sewajarnya dan mencukupi. Setelah beberapa tahun dinilai dan diakreditasi oleh EAC, sudah sampai masanya kita menyemak kekuatan kurikulum kita dalam aspek penyediaan kualiti siswazah, misalnya daripada segi bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain. Untuk menyediakan tenaga kerja yang bakal bersaing di persada antarabangsa, kandungan kurikulum kita sewajarnya mengandung pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja antarabangsa sama ada daripada segi kreativiti, penyelesaian masalah, pemahaman budaya, ketabahan sikap dan sebagainya.

Pada masa ini konglomerat seperti Petronas sudah mula meneroka pasaran dan mencari peluang perniagaan di India, China, Amerika Selatan dan Afrika. Jika inilah *trend*-nya berupayakah siswazah kita bersaing untuk mendapatkan pekerjaan dengan konglomerat setempat atau syarikat-syarikat multinasional di negara-negara tersebut dengan bekalan ilmu dan kemahiran yang ditawarkan oleh kurikulum semasa kita? Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi dunia pada masa depan yang tidak lagi ditentukan sepenuhnya oleh pertumbuhan ekonomi Amerika dan Eropah secara positif, ada baiknya kita menimbangkan perkembangan ini dengan berhati-hati supaya siswazah kita tidak ketinggalan.

Di samping itu, ruang lingkup aktiviti pemasaran produk akademik kita perlulah lebih berfokus. Selain daripada pemasaran di negara-negara CLMV (Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam), aktiviti pemasaran di negara-negara yang telah ada hubungan akademik dengan kita wajar diberi perhatian. Pada masa ini kita telah mempunyai penuntut dari 18 buah negara. Jika tenaga dan jaringan sosial para penuntut ini dapat digembangkan dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, saya pasti kita akan dapat menarik lebih banyak penuntut antarabangsa.

Untuk membantu usaha kita menjana kewangan dan menciptakan kekayaan universiti, kita perlu mengambil peluang keemasan daripada keghairahan generasi muda melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi di luar negara.

Perlulah disedari bahawa dalam tahun 2008 sahaja sebanyak 3.3 juta penuntut pengajian tinggi terdiri daripada penuntut antarabangsa. Di Australia dan New Zealand misalnya bilangan penuntut antarabangsanya telah bertambah dua kali ganda sejak kebelakangan ini berbanding dengan tahun 2000. Jika kita dapat memikat hati penuntut-penuntut itu ke negara kita kerana kadar pertukaran mata wang yang secara relatif lebih baik, pastinya usaha kita bukan sahaja menguntungkan universiti bahkan berupaya menghalang ekonomi negara kita terjerumus ke dalam kemelut ekonomi seperti yang berlaku di beberapa buah negara Eropah pada masa ini.

Untuk menarik penuntut antarabangsa, kualiti akademik program pengajian kita perlu bertaraf antarabangsa yang bercirikan kurikulum abad ke-21. Kita perlu bersyukur kerana program pengajian kejuruteraan kita sudah diiktiraf oleh *Washington Accord*. Kini sudah tiba masanya program pengajian perniagaan dan teknousahawan kita pula mendapatkan pengiktirafan atau akreditasi antarabangsa misalnya daripada *European Foundation for Management Development (EFMD-EQUIS)*, *The Association of Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)* atau *Association of MBAs (AMBA)* untuk program MBA (Pengurusan Kejuruteraan). Begitulah juga halnya dengan program pengajian kejuruteraan teknologi. Mulai sekarang kita sewajarnya segera memikirkan badan-badan dunia yang boleh mengakreditasi program-program baru yang bernaung di bawah teknologi kejuruteraan dan mengadakan hubungan dengan *Australian Technology Network (ATN)* atau badan-badan



yang seumpama dengannya. Selain itu kita wajar juga meneroka kemungkinan mengadakan hubungan dengan Universitas 21 untuk memperluas jaringan antarabangsa.

Aspek keusahawanan turut perlu diberi perhatian khusus pada masa depan. Saya berhajat melihat elemen keusahawanan benar-benar menjadi sebahagian daripada budaya staf, mahasiswa dan siswazah kita. Elemen keusahawanan penting untuk menyangga agenda pelan transformasi ekonomi dan pelan transformasi kerajaan yang diperkenalkan di bawah payung RMK-10. Budaya *intrapreneurship* sebagai satu daripada cabang keusahawanan turut memerlukan perhatian serius daripada kita semua. Lantaran usaha-usaha memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru untuk menjayakannya adalah amat didambakan dengan segera. Jika budaya ini tidak menyerap dalam pembuluh nadi minda dan gerak kerja warga UniMAP secara pantas nescaya agenda penjanaan kewangan dan perbelanjaan berhemat yang kita jadikan objektif strategik universiti akan menjadi sia-sia belaka.

Dalam masa yang sama, saya mengesyorkan supaya semua warga UniMAP, khususnya para akademik mula memikirkan, membincangkan dan menghayati isu-isu yang ada kaitan dengan kelestarian umat manusia, alam semesta, UniMAP, *output*, dan *outcome*-nya serta hubung kait antara kesemuanya secara lebih serius dan bertanggungjawab pada masa akan datang. Sejak tahun 1980-an lagi universiti-universiti di seluruh dunia dituntut supaya menyumbang ke arah pembangunan lestari iaitu pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keupayaan generasi masa depan memenuhi keperluan mereka. Dalam konteks ini Janet Moore dalam *International Journal of Sustainability in Higher Education Vol. 6 No. 4*, (muka surat 326-339) yang diterbitkan dalam tahun 2005 menyebut tentang terdapatnya "... a consensus among

scientists in various fields that excess energy and material consumption is at the heart of the problem" atau yang menjadi punca masalah kelestarian dunia. Oleh sebab itu kita perlu memainkan peranan aktif untuk menyangga agenda ini kerana, tambah Moore:

*"Universities have the potential to be leaders in research and technology, teaching and learning, and community engagement. They are intended to be spaces where ideas are expressed freely, paradigms are challenged, creativity is promoted and new knowledge is produced. Given what academics know about the current ecological condition of the planet, there is an obligation for universities to become leaders in the movement to prevent global ecological collapse."*

Sebagai universiti yang memberikan fokus pada disiplin kejuruteraan kita sewajarnya prihatin dengan peranan besar dan penting ini. Dan inilah antara sebab kita menu buhkan Institut Agroteknologi Lestari dan beberapa pusat kecemerlangan yang baru yang diumumkan pada awal ucapan tadi. Namun, tanggungjawab yang lebih utama yang perlu kita pikul ialah melahirkan siswazah yang faham akan peranan mereka untuk melestarikan dunia pada masa depan. Kita perlu menyedarkan mahasiswa kita tentang keresahan yang dialami oleh David Hales dalam ruangan *Forum: Clean and Green* yang dimuatkan di dalam *The New England Journal of Higher Education* (Fall, 2008). Hales menyebut bahawa:

*"As we weaken the planet's natural systems, we increase our demands on them, and upon our social and political systems. More than 6 billion people, each one of whom needs 1,400 calories and four pounds of*




*water a day to survive, now share this planet. Of the 180 people born each minute, 120 will be born in a city, 160 in a developing country. Of those who live to adulthood, one of three will be uneducated, and there are already more people living today who cannot read or write than there were people living in the world in 1900 (nineteen hundred).*

*One-half of the people in the world live on less than \$2 (U.S.) a day and the assets of the richest 200 people exceed the combined wealth of the poorest 40 percent of the world's population. Of these 2.5 billion people, 70 percent are women and children. More than 2 billion people go to bed hungry each night."*

Isu kelestarian ini menjadi lebih relevan dengan kita apabila kita menoleh ke arah kampus alam kita di Pauh Putra dan perkembangan universiti secara menyeluruh pada masa depan. Saya berasa terkilan kerana sebahagian daripada kawasan universiti digundulkan sedemikian rupa. Sudah tiba masanya kita segera mengimbangi ekosistem persekitaran kampus dengan berusaha menanam sebanyak mungkin pokok dan tanaman selain daripada yang telah diusahakan sebelum ini. Selain ekosistem alam sekitar, ekosistem hubungan manusia dan kemanusiaan sesama warga universiti dan masyarakat setempat perlu dipertingkatkan. Pada masa ini kita masih belum berupaya meningkatkan tahap kepuasan staf kita ke angka 80% (rujuk carta 19). Kajian terkini tentang kepuasan staf secara keseluruhan mencatat peningkatan sekitar 2.8% daripada 76% yang dicatat pada tahun lalu. Namun, dalam aspek kepuasan komunikasi nampaknya terdapat peningkatan positif dari 74% ke tahap 86.5%. Syabas.

Carta 19: Indeks Kepuasan Staf dan Komunikasi Dalaman 2009, 2010 dan 2011



Rakan-rakan yang dihormati.

Seperti biasa saya tidak akan berasa selesa jika tidak mengingatkan warga staf UniMAP sekalian supaya lebih produktif daripada segi penghasilan kerja. Telah banyak kritik, teguran dan nasihat yang saya kongsikan dengan saudara-saudara semua dalam ucaptama tahunan saya sebelum ini. Saya amat berharap majlis perkongsian minda dan hasrat ini diberi perhatian dan disusuli dengan tindakan. Pada saya, jika kerja mahu dijadikan ibadat bersikap adil dan saksamalah pada diri, rakan sekerja dan organisasi. Kata kunci yang menjadi asas bagi kerja untuk mendapatkan rezeki yang berkat ialah **Fokus, Fokus, Fokus** pada tugas dan tanggungjawab yang diberikan seperti kita sedang menunaikan ibadat solat. Hanya dengan cara inilah kita dapat mewujudkan budaya kerja cemerlang dan kita dapat menjadi warga UniMAP yang terbilang.

Jika kita hendak mengetahui sama ada kita cemerlang, terbilang atau sebaliknya perhatikan simtom-simtom budaya organisasi kita. Victor S. L. Tan anggota *The Malaysian Association of The Institute of Chartered Secretaries and Administrators* pernah menulis artikel yang bertajuk "*Change Your Corporate Culture to Survive*" dalam *The STAR* pada 26 Mac



2002, beberapa hari selepas UniMAP ditubuhkan. Menurut Tan, simptom-simptom budaya korporat yang **tidak sihat** ditunjukkan oleh cara pekerja organisasi melaksana kerja. Antaranya ialah:

- *There is a great sense of complacency about the organization's performance.*
  - *There is a lack of sense of urgency in addressing customer needs.*
  - *There is very little innovation in their products or services or the way they serve customers.*
  - *Staffs are reactive, taking little initiative to change and improve and they adopt the "wait for the top" attitude.*
  - *Staffs, including senior executives, are very operations-driven and not business oriented.*
  - *Leaders are slow in taking action on people for non-performance.*
  - *Leaders do not implement changes but only preach about their plans and intentions; and*
  - *People accept the deteriorating performance and conveniently attribute it to the economic slowdown.*
1. Memiliki akal tetapi tidak digunakan untuk memikirkan sesuatu yang bermakna kepada agama.
2. Berilmu tetapi tidak mengamalkan ilmu untuk kebaikan.
3. Mempunyai tubuh badan tetapi tidak digunakan untuk beribadah kepada Allah (s.w.t).
4. Beramal tetapi tidak dilakukan dengan hati yang ikhlas.
5. Berzikir tetapi zikirnya tidak membersihkan dan memberikan kesan pada hati.
6. Mempunyai hati tetapi kosong kerana tidak kasih akan Allah (s.w.t).
7. Memiliki rasa cinta tetapi dicurahkan kepada selain daripada Allah atau mencintai yang lain melebihi cintanya kepada Allah (s.w.t).
8. Memiliki kekayaan tetapi dibelanjakan untuk perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan diredhai Allah (s.w.t).
9. Diberi masa tetapi tidak diurus dengan sebaik-baiknya.

Tidak perlulah saya mengulas lagi pandangan itu kerana maknanya sudah terang dan jelas meskipun universiti kita bukanlah entiti korporat seratus peratus.

Sebelum kita bersurai marilah kita bersama-sama merenungi pandangan Ibnu Qayyim al-Jauziyah tentang pembaziran yang dilakukan oleh manusia. Menurut beliau manusia melakukan sembilan jenis pembaziran jika:

Marilah bersama-sama kita mengambil iktibar daripada pandangan tersebut sebagai hasil daripada keluasan ilmu, pengalaman dan ketelitian pemerhatian.



Akhirul kalam, seandainya selama saya memimpin universiti ini terdapat apa jua kesilapan dan kesalahan saya memohon maaf dari dasar lubuk jiwa saya. Sesungguhnya segala kesilapan dan kesalahan berpunca daripada diri saya sebagai insan biasa. Hakikatnya, apa jua idea yang saya lontarkan; keputusan yang saya laksana; dan tindakan yang saya aturkan, hanyalah untuk melaksana amanah yang diserahkan kepada saya dan anggota pengurusan tertinggi demi memastikan Universiti Malaysia Perlis berdaya saing di persada antarabangsa menjelang 2020.

Semoga Allah (s.w.t) mengampuni kita semua.

Wabillahi taufiq wal hidayah

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته



**Terima kasih** [Malay],

**Kamsa hamaida** [Korean], **Arigatō** [Japanese], **Grazie** [Italian],

**Obrigado** [Portuguese], **Spasibo** [Russian], **Gracias** [Spanish],

**Tack** [Swedish], **Nanri** [Tamil], **Khob Khun Krab** [Thai]

**Danke** [Germany], **Salamat** [Filipino], **Merci** [French],

**Katta Rahmat** [Uzbek], **Shieh Shieh** [Chinese], **Syukran** [Arabic],

**Thank you** [English]

## WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis  
Alam Kejuruteraan  
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan  
Wawasan Jiwa Kita

Berdikari, Rohaniah  
Berteknologi  
Pemimpin Berbestari  
Untuk Bangsa, Insan Dan Umat Dunia  
Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis  
Alam Kejuruteraan  
Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan  
Wawasan Jiwa Kita

## Semangat UniMAP

Visi Universiti, Visi Berintegriti  
Dinamik Masa Berinteraksi  
Visi Kita Semua  
Membina Jiwa Minda  
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Universiti, Visi Berintegriti  
Dinamik Masa Berinteraksi  
Visi Kita Semua  
Membina Jiwa Minda  
Sama Semangat Untuk Negara

Visi Cemerlang Gemilang Terbilang

UniMAP!!!





SEDEKAD GEMILANG 2002-2012

**Universiti Malaysia Perlis**

(Dahulunya Dikenali Sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia)

Kluster Kelebihan Kecemerlangan

[www.unimap.edu.my](http://www.unimap.edu.my)

**NIOSH**  
CERTIFICATION

NS 1722 PART 1-2005 (REG. NO. 0-974895)

DISMAS MARCH 2007 (REG. NO. A-974895)

